

05/02/2003

Penjara pemaju ingkar (HL)

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pihak yang sewenang-wenangnya meratakan bukit serta menjejaskan alam sekitar di kawasan tanah

tinggi dikenakan hukuman lebih berat termasuk penjara.

Perdana Menteri, yang kesal dengan keghairahan sesetengah pemaju mencari

keuntungan sehingga tidak menghiraukan alam sekitar menegaskan, hukuman denda saja tidak mencukupi terhadap golongan itu.

"Saya tidak tahu undang-undang apa yang ada, tetapi jika ada undang-undang yang boleh masukkan mereka ini dalam penjara, baru saya ingat berkesan. Kalau setakat bayar denda saja, dia tak peduli," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas melancarkan ulang tahun kedua Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan dan merasmikan Taman Botani di sini

semalam, Dr Mahathir berkata pembangunan di Cameron Highlands sekarang turut menjejaskan iklim di kawasan itu.

Beliau kecewa kerana sebahagian tempat sudah diratakan sehingga ia tidak

lagi kelihatan sebagai kawasan bukit bukau sebaliknya menjadi seperti tanah pamah.

"Inilah cara sesetengah orang yang terlalu ghairah untuk mendapat keuntungan besar. Mereka tidak menghiraukan `environment' dan mereka sanggup menjadikan bukit sebagai tanah rata.

"Dengan itu segala kecantikan dan keindahan bukit akan hilang," katanya

sambil menambah, beliau tidak faham kenapa pemaju mencari bukit untuk membangunkan sesuatu projek sedangkan, untuk memajukannya, bukit berkenaan

terpaksa diruntuhkan.

Sekumpulan syarikat minggu lalu menggunakan jentera berat dalam kerja merata dan membangunkan semula sebahagian kawasan yang dulunya milik Blue

Valley Tea Plantation, di Cameron Highlands.

Berikutan kerja meratakan tanah di kawasan seluas lapan hektar itu, pencemaran dilaporkan berlaku apabila tanah berkenaan memasuki anak sungai

berhampiran.

Malangnya, pembangunan di kawasan itu dikatakan masih diteruskan walaupun Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH) sudah mengeluarkan notis supaya pemaju terbabit memberhentikan penggunaan jentera berat yang tidak

dibenarkan di tanah tinggi.

Syarikat terbabit juga diberi notis kerana gagal menutup kawasan lereng

yang terdedah, manakala MDCH juga dilaporkan sudah membuat laporan polis terhadap pemaju terbabit.

Kelmarin, polis Pahang mengambil alih pemantauan kawasan lereng bukit di

Blue Valley daripada MDCH bagi memastikan pemaju mematuhi arahan memberhentikan kerja meneroka dan menarah tanah di situ.

Perdana Menteri, ketika ditanya sama ada masalah itu disebabkan penguatkuasaan undang-undang berikutan hal berkaitan tanah adalah hak negeri, berkata kerajaan akan mengkaji perkara itu.

Terdahulu, dalam ucapannya Dr Mahathir berkata, jika pemaju hendak menjadikan kawasan bukit sebagai kawasan pembangunan, ia tidak sepatutnya diratakan dengan menebang segala pokok hingga tidak lagi menampakkan identitinya sebagai bukit.

"Berikutan itu, segala kecantikan bukit dan kehijauan pokok akan hilang menyebabkan keadaannya tidak berbeza dengan kawasan lain yang ada di tanah rata," katanya merujuk pembangunan di Putrajaya yang dulunya ladang sawit, masih mengekalkan kehijauan serta ada taman dan tasik yang dibina di sekitarnya.